

UUM: Harapan Dr Mahathir P

JITRA, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan harapannya agar Universiti Utara Malaysia (UUM) melahirkan pengurus-pengurus dan golongan profesional yang berkesan.

Beliau juga mahu pelajar dan kakitangan universiti itu mengekalkan suasana harmoni antara pelbagai kaum di universiti itu.

Naib Canselor UUM, Profesor Tan Sri Awang Had Salleh menyatakan demikian selepas majlis taklimat tertutup antara Perdana Menteri dengan 40 pemimpin pelajar di Markas Palapes dan 100 kakitangan UUM di Dewan Kuliah.

Katanya, Perdana Menteri mahu mereka berusaha

mencapai kejayaan di bidang masing-masing bagi memenuhi harapan rakyat dan negara.

Sebelum itu Datuk Seri Dr Mahathir menyaksikan latihan ketenteraan oleh kira-kira 200 anggota Palapes UUM di padang kawad markas itu.

Sebagai memperingati lawatannya ke UUM, Perdana Menteri menanam pokok semarak api di perkarangan bangunan perpustakaan universiti itu.

Ditanya mengenai lawatannya itu, Perdana Menteri hanya berkata semuanya bagus belaka.

Perdana Menteri juga menyertai umat Islam menunaikan fardu Jumaat di Masjid Baru Jitra sebelum bertolak balik ke Kuala Lumpur.